

SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera



BANK ISLAM BANTU 350,000 PELANGGAN TERJEJAS AKIBAT PANDEMIK COVID-19

KUALA LUMPUR, Ahad, [24 Januari 2021]: Bank Islam Malaysia Berhad ("Bank Islam") telah membantu seramai 350,000 pelanggan individu dan perniagaan yang terjejas akibat pandemik COVID-19 menerusi kemudahan bantuan pembayaran semula pembiayaan dengan melibatkan baki anggaran pembiayaan pelanggan berjumlah kira-kira RM37.9 bilion, dari 1 April hingga 31 Disember 2020. Bank Islam telah memberikan bantuan moratorium selama 6 bulan dari April hingga September 2020 yang kemudiannya menjadi Program Prihatin Bersasar, khusus untuk pelanggan yang kehilangan pekerjaan serta mengalami pengurangan pendapatan.

Pada November 2020, Bank Islam telah mengumumkan penambahbaikan kepada Program Prihatin Bersasar bagi turut merangkumi golongan B40, M40 dan perusahaan mikro yang terkesan ekoran pandemik ini. Bagi terus mengurangkan bebanan kewangan pelanggan, pihak Bank juga menyediakan pilihan Penjadualan dan Penstrukturan Semula Pembiayaan untuk pelanggan yang tidak mengalami kehilangan atau pengurangan punca pendapatan tetapi mempunyai keperluan untuk menyusun semula kewangan mereka.

Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam, Mohd Muazzam Mohamed berkata, "Sejak pelaksanaan Program Prihatin Bersasar pada Oktober 2020, hampir 24,000 permohonan dengan amaun baki pembiayaan berjumlah melebihi RM3 bilion telah diluluskan di bawah program tersebut. Sebagai sebuah Bank yang bertanggungjawab, kami membantu para pelanggan untuk menguruskan tuntutan kewangan mereka, terutamanya pada waktu yang mencabar ini. Pihak Bank Islam telah berkomunikasi secara konsisten dengan para pelanggan untuk menyediakan sokongan yang mereka perlukan. Kami kekal komited membantu pelanggan mendepani tempoh sukar ini."

Beliau menambah, "Bagi pihak Bank Islam, saya mengucapkan ribuan terima kasih atas keyakinan dan sokongan yang diberikan walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran. Kami amat menitikberatkan usaha-usaha yang bertujuan untuk memelihara kebajikan pelanggan dan perniagaan kami, pada masa sama turut memainkan

peranan untuk menyokong pemulihan ekonomi negara. Bank sentiasa bersedia untuk menerima permohonan pelanggan. Kami menyeru agar pelanggan tampil dan menghubungi kami untuk mendapatkan penyelesaian kewangan terbaik yang disediakan."

Bagi memenuhi keperluan perbankan pelanggan, Bank Islam memberi jaminan bahawa perkhidmatan perbankan berterusan boleh dinikmati melalui platform perbankan mudah alih dan dalam talian sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ("PKP") ini. Sebagai alternatif, pelanggan boleh menghubungi Pusat Panggilan Bank Islam di 03-26 900 900 atau mengimbas Kod QR di bawah bagi memohon bantuan pembayaran balik pasca moratorium Bank Islam. Bantuan pembayaran semula pembiayaan ini disediakan sehingga 30 Jun 2021.



Untuk maklumat lanjut, sila layari www.bankislam.com/covid-19.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad, ditubuhkan pada 1983 sebagai bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 144 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan bertandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan penganut agama Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila lawati www.bankislam.com atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.

Keterangan lanjut mengenai siaran media ini, sila hubungi:

Wan Norkhairi Wan Samad Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel: 03-2782 1232 Tel. bimbit: 019-339 4491 Faks: 03-2781 2998 Emel: wnorkhairi@bankislam.com.my Web: www.bankislam.com	Omar Atin Penolong Timbalan Presiden Perhubungan Awam Komunikasi Korporat Kumpulan BIMB Holdings Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel.: 03-2781 2943 Tel. bimbit: 019-391 9144 Faks: 03-2781 2998 Emel: omar@bimbholdings.com Web: www.bimbholdings.com
---	---